



**SOALAN LAZIM
PROGRAM DERMASISWA B40 (DB40)
TAHUN 2026**

1. Apakah itu Program Dermasiswa B40 (DB40) Tahun 2026?

Program Dermasiswa B40 (DB40) bagi tahun 2026 merupakan penajaan yang ditawarkan kepada **pelajar-pelajar SPM 2025 dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah** iaitu golongan B40 untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Diploma di **Universiti Awam (UA), Politeknik, TVETMARA dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA)** terpilih di dalam negara bagi bidang berfokuskan kepada **Kejuruteraan dan Teknikal/Teknologi, Sains, Sains Sosial/Sastera dan Seni Bina** serta bidang **Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)** yang dikenal pasti mempunyai prospek kebolehpasaran yang tinggi dalam industri.

2. Apakah syarat-syarat permohonan Program Dermasiswa B40 (DB40) Tahun 2026?

Calon-calon mestilah memenuhi **syarat umum** dan **khusus** permohonan seperti berikut:

2.1 Syarat-syarat Umum Calon

- (i) Warganegara Malaysia;

- (ii) Pemohon disyaratkan bebas daripada penyakit kronik/ berjangkit/ penyakit yang memerlukan rawatan susulan dan berupaya mengikuti pengajian sehingga tamat, serta disahkan sihat untuk meneruskan pengajian;
- (iii) Ibu dan/atau bapa dan/atau pemohon tidak disenarai hitam oleh JPA atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh JPA. **Sehubungan itu, pemohon hendaklah memastikan bahawa pemohon, ibu dan/atau bapa bebas daripada sebarang tindakan undang-undang atau status senarai hitam pinjaman JPA sebelum mengemukakan permohonan.** Sekiranya pemohon, ibu dan/atau bapa didapati telah dikenakan tindakan undang-undang atau disenarai hitam oleh JPA, sila hubungi talian **03-8000 8000** dalam tempoh **3 Ogos 2026 (Isnin) hingga 12 Ogos 2026 (Rabu)** bagi tujuan semakan dan penyelarasan lanjut. **Sebarang permohonan yang dikemukakan selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan, dan keputusan yang dibuat adalah muktamad.** Semakan status senarai hitam pinjaman JPA boleh dibuat melalui pautan berikut:
https://esilav2.jpa.gov.my/online_progs/tunggakanindividu.php
- (iv) Pemohon yang pernah dikenakan tindakan penamatan tajaan atas pelanggaran syarat perjanjian oleh JPA tidak layak memohon;
- (v) Sekiranya berjaya ditawarkan penajaan JPA, pemohon tidak dibenarkan menerima bantuan kewangan/ tajaan daripada mana-mana agensi untuk peringkat atau pengajian yang sama;
- (vi) Menduduki **peperiksaan SPM 2025 buat kali pertama** di mana-mana sekolah menengah termasuk sekolah khas, sekolah swasta atau calon-calon persendirian;

- (vii) Umur belum mencapai 19 tahun, atau belum mencapai 20 tahun bagi pelajar peralihan pada 31 Disember tahun peperiksaan SPM diduduki; dan
- (viii) Pendapatan per kapita dalam kategori B40 iaitu **RM5,249.00 sebulan dan ke bawah**.

2.2 Syarat-syarat Khusus Calon

2.2.1 Bagi **Universiti Awam (UA)** dan **Politeknik**:

2.2.1.1 Menduduki SPM 2025 dan mendapat **sekurang-kurangnya Gred C** bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Sejarah dan mana-mana tiga subjek lain yang diambil; dan

2.2.1.2 **Telah mendapat tawaran*/ telah mendaftar*** di institusi pengajian tersebut.

2.2.2 Bagi **TVETMARA yang terpilih** seperti Institut Kemahiran MARA (IKM)/ Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM)/ MARA-Japan Industrial Institute (MJII) dan ILKA lain seperti Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN)/ Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC)/ Institut Teknikal Jepun-Malaysia (JMTI):

2.2.2.1 Menduduki SPM 2025 dan mendapat **sekurang-kurangnya Gred C** bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Sejarah dan mana-mana satu subjek lain yang diambil; dan

2.2.2.2 **Telah mendapat tawaran*/ telah mendaftar*** di institusi pengajian tersebut.

3. Apakah bidang pengajian yang tidak ditaja?

Bidang pengajian yang **tidak ditaja** adalah seperti berikut:

- (a) Bidang perubatan, pergigian dan farmasi;
- (b) Bidang pendidikan;
- (c) Bidang yang memerlukan pelajar mengambil jenis-jenis lesen seperti lesen penerbangan dan sebagainya;
- (d) Program-program berbentuk francais UA/ IPTS;
- (e) Program-program berkembar/ ijazah dual/ *double degree*/ program kerjasama dengan institusi lain;
- (f) Program kejururawatan, separa perubatan dan program pra perkhidmatan;
- (g) Program-program berkaitan sijil/ kursus profesional; dan
- (h) Program pengajian secara separuh masa/ jarak jauh/ dalam talian/ pengajian tanpa subsidi yuran pengajian.

4. Bagaimana saya boleh memohon penajaan JPA di bawah Program Dermasiswa B40 (DB40) Tahun 2026?

Permohonan boleh dibuat secara dalam talian di portal penajaan JPA mulai **3 Ogos 2026 (2.00 petang) hingga 16 Ogos 2026 (jam 5.00 petang)**. Pemohon hendaklah membaca dan memahami kesemua panduan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi program ini sebelum membuat permohonan.

5. Saya menduduki peperiksaan SPM 2024. Bolehkah saya memohon Program Dermasiswa B40 (DB40) Tahun 2026?

Tidak. Program Dermasiswa B40 (DB40) Tahun 2026 hanya dibuka kepada pelajar lepasan **SPM tahun 2025** sahaja.

6. **Adakah saya layak memohon sekiranya pendapatan per kapita melebihi RM5,249.00?**

Pendapatan per kapita dalam kategori B40 iaitu **RM5,249.00** sebulan dan ke bawah sahaja yang memenuhi syarat permohonan.

7. **Sekiranya saya menolak tawaran biasiswa di bawah Program Dermasiswa B40 (DB40) Tahun 2026, adakah saya layak dipertimbangkan sebarang penajaan lain di JPA?**

Ya. Pelajar boleh memohon apa-apa program penajaan lain yang ditawarkan oleh JPA sekiranya melepasi syarat-syarat permohonan program penajaan.

8. **Apakah nombor atau saluran yang boleh dihubungi untuk sebarang pertanyaan?**

Sebarang pertanyaan berkaitan program penajaan atau masalah teknikal hendaklah dikemukakan melalui **Call Center** di talian **03-8000 8000** (Isnin hingga Jumaat, **9.00 pagi hingga 4.30 petang**) atau melalui e-mel dermasiswa2026@jpa.gov.my. Perkhidmatan talian dan e-mel ini hanya disediakan sepanjang tempoh permohonan dibuka.

9. **Bilakah tarikh tutup permohonan program ini?**

Tarikh tutup permohonan adalah pada **16 Ogos 2026 (Ahad), jam 5.00 petang**. Sebarang permohonan yang diterima selepas tarikh dan masa tersebut tidak akan dipertimbangkan.

10. Bilakah tarikh keputusan permohonan program ini akan dimaklumkan?

Keputusan permohonan penajaan dijangka akan diumumkan melalui **Portal Penajaan JPA** di <https://penajaan.jpa.gov.my> pada **minggu ketiga Oktober 2026**. Sekiranya terdapat sebarang perubahan terhadap tarikh pengumuman keputusan, pemakluman akan dibuat melalui portal tersebut.

Calon dinasihatkan supaya sentiasa membuat semakan dari semasa ke semasa di **Portal Penajaan JPA** atau laman web rasmi JPA bagi mendapatkan maklumat dan pengumuman terkini.

11. Bagaimana JPA akan membuat pemakluman berhubung urusan permohonan, keputusan dan penawaran Program Dermasiswa B40 (DB40) Tahun 2026?

Semua urusan berkaitan **Program Dermasiswa B40 (DB40)**, termasuk permohonan, semakan keputusan, muat turun surat tawaran serta dokumen berkaitan, dilaksanakan secara dalam talian melalui **Portal Penajaan JPA**. Calon hendaklah memuat turun dan mencetak sendiri surat tawaran, slip pengesahan serta dokumen berkaitan.

12. Setelah saya mendapat tawaran penajaan JPA, bolehkah saya memohon pinjaman tambahan daripada penaja lain seperti PTPTN?

TIDAK. Pelajar **hanya dibenarkan** untuk menerima **satu tajaan sahaja**.

13. Saya telah menerima tawaran penajaan JPA, tetapi pada masa yang sama telah mendapat pinjaman PTPTN, apakah yang perlu saya buat?

Sekiranya pelajar menerima tawaran penajaan JPA, pelajar hendaklah menamatkan kemudahan pinjaman PTPTN atau penajaan daripada mana-mana penaja lain.

14. Bolehkah saya bertukar penaja sekiranya saya ditawarkan oleh penaja lain setelah saya menerima penajaan JPA?

Pelajar tajaan JPA tidak dibenarkan menerima penajaan daripada lebih daripada satu penaja secara serentak. Sekiranya pelajar memilih untuk menerima penajaan daripada penaja lain, pelajar hendaklah mengemukakan **Borang Permohonan Tarik Diri (Tukar Penaja)** yang boleh dimuat turun melalui **Portal Penajaan JPA** di <https://penajaan.ipa.gov.my> dan menghantar borang yang telah lengkap diisi ke e-mel lspdn@ipa.gov.my.

Pelajar yang menarik diri daripada penajaan JPA bagi tujuan menerima penajaan daripada penaja lain tidak layak dipertimbangkan untuk sebarang permohonan penajaan JPA pada peringkat pengajian yang lebih tinggi.

15. Adakah pihak JPA membenarkan saya menukar universiti tanpa membatalkan penajaan saya?

Pihak JPA tidak membenarkan pelajar tajaan membuat pertukaran universiti tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada JPA terlebih dahulu. Sekiranya pelajar berbuat demikian tanpa kelulusan, JPA berhak menamatkan penajaan pelajar tersebut.

16. Bolehkah saya bertukar kursus atau bidang atau universiti selepas mengikuti pengajian dan menerima tajaan JPA?

Secara dasarnya, pertukaran kursus adalah tidak dibenarkan kecuali atas sebab-sebab yang kukuh dan munasabah. Sekiranya pelajar ingin memohon pertukaran kursus, pelajar hendaklah mengemukakan permohonan rasmi kepada Jabatan ini berserta justifikasi yang lengkap mengenai keperluan pertukaran tersebut. Sebarang kelulusan permohonan pertukaran kursus adalah tertakluk kepada pertimbangan dan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa yang berkaitan.

Sekiranya Mesyuarat Jawatankuasa meluluskan permohonan tersebut, penajaan pelajar akan diteruskan bagi kursus yang baharu. Walau bagaimanapun, sekiranya permohonan tersebut tidak diluluskan, penajaan pelajar boleh ditamatkan tertakluk kepada keputusan dan ketetapan Jabatan.

17. Adakah pelajar yang mendapat penajaan JPA akan diberikan pekerjaan di sektor awam secara automatik selepas menamatkan pengajian?

Tidak. Pelajar perlu memohon sendiri dengan Pihak Berkuasa Melantik bagi tujuan tersebut.

18. Bapa saya adalah seorang pesara Kerajaan? Apakah yang saya perlu isi di ruang pendapatan bapa?

Bagi pesara Kerajaan, sila isikan jumlah pencen yang diterima bagi setiap bulan di ruangan tersebut.

19. Bagaimana sekiranya nama kursus yang ditawarkan oleh pihak universiti kepada saya tidak berada di dalam senarai borang permohonan *online* DB40?

Pemohon hanya dibenarkan memohon bidang pengajian yang disenaraikan sahaja. Bidang pengajian yang ditaja hendaklah merupakan program yang telah mendapat akreditasi penuh atau akreditasi sementara daripada **Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)**.

20. Saya merupakan pelajar dalam bidang kejururawatan. Adakah saya layak untuk memohon penajaan JPA di bawah DB40?

Untuk makluman, Jabatan ini tidak menawarkan penajaan bagi pelajar-pelajar Kejururawatan atau Separa Perubatan yang dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

21. Sekiranya permohonan saya disekat disebabkan oleh saya dan/atau ibu dan/atau bapa saya disenaraihitamkan oleh JPA, apakah tindakan yang perlu saya lakukan?

Sila hubungi **03-8000 8000** (waktu pejabat sahaja) dalam tempoh **3 Ogos 2026 (Isnin) hingga 12 Ogos 2026 (Rabu)** bagi tujuan penyelarasan lanjut. Keputusan adalah muktamad dan sebarang rayuan selepas tempoh tersebut tidak akan diterima.

Dikemas kini pada 17 Julai 2026